

FENOMENA HISTERIA: PUNCA DAN KAEDAH MENANGANINYA

*Dr. Mohamad Adi Zaky Haji Metasim
(Brunei Darussalam)*

Mukadimah dan Definisi

Fenomena : Sesuatu kenyataan (kejadian atau peristiwa yang berlaku) yang dilihat atau dapat dilihat oleh mata kita sendiri.

Histeria : Sejenis penyakit urat saraf yang terlihat pada cetusan-cetusan emosi yang tidak dapat dikawal sama ada kegembiraan, kesedihan atau ketakutan .

Masalah histeria ialah satu fenomena yang sering terjadi kepada sekelompok masyarakat tertentu di serata dunia ini. Ianya akan berbeza mengikut bangsa, tempat dan keadaan, dan juga diistilahkan sebagai *culture bound syndrome*.

Fenomena histeria terjadi sama ada secara berkumpulan atau beramai-ramai dan orang perseorangan, itulah hakikat fenomena histeria yang sering kita saksikan.

Apakah Dia Histeria?

Kata histeria berasal daripada perkataan Greek yang bermakna rahim yang merayau-rayau (*Wondering Uterus*), kerana pada zaman itu perkara ini sering berlaku . Majoritinya terkena kepada kaum perempuan, disebabkan tekanan hidup pada ketika itu, dan juga akibat penindasan terhadap mereka.

Fahaman histeria berbeza-beza, dari segi bidang perubatan dan juga fahaman agama.

Takrif dari Segi Perubatan

Para doktor mentakrifkan bahawa histeria itu lebih kepada gangguan pada fungsi otak, dan sistem saraf otak manusia.

Histeria itu dibahagikan kepada beberapa bahagian:

1. Histeria Organik : histeria yang berlaku akibat daripada gangguan sistem saraf otak manusia yang tidak dapat dikawal, maka terjadilah histeria.
2. Histeria psikopatologi : histeria yang terjadi akibat daripada gangguan kejiwaan, perasaan, tekanan, pemikiran, fahaman idealogi , contohnya seperti tekanan stres, atau fobia dan ketakutan yang bersangatan.
3. Histeria komunikasi : histeria yang dibuat-buat kerana hendak menarik perhatian orang lain, atau menarik simpati orang lain.

Takrif dari Segi Fahaman Agama

Di dalam bahasa Arab histeria disebut *As Sar'* (الصرع) iaitu sejenis penyakit akibat daripada gangguan jin/syaitan.

Para sarjana Islam lebih cenderung mengaitkan masalah histeria berpunca daripada gangguan jin/syaitan sama ada pada ianya dimulai dengan tekanan atau stres, kemudian tidak dapat dikawal, maka terjadilah histeria dan

mahluk jin/syaitan mengambil kesempatan untuk masuk ke dalam badan manusia, dan akan menambahkan keadaan lebih buruk lagi.

Atau pun jin/syaitan secara langsung mengganggu manusia melalui perkara-perkara seperti berikut:

1. Akibat sihir.
2. Akibat kecuaiian dan kesilapan manusia.
3. Akibat dendam atau perasaan cinta jin.
4. Akibat saka iaitu jin warisan.

Gangguan terjadi sama ada jin, atau syaitan itu masuk ke dalam badan manusia, ataupun melalui penjelmaan bayangan yang tertentu sehingga menyebabkan ketakutan dan akhirnya terjadi histeria.

1. Akibat Sihir

Sihir ialah salah satu kaedah yang paling utama, yang disukai oleh jin/syaitan untuk mengganggu manusia. Apabila seseorang melakukan sihir ianya membuka ruang, dan peluang untuk jin/syaitan untuk memporakperandakan dan menyesatkan manusia, sekurang-kurangnya menjadi satu alasan yang baik untuk mempertahankan dirinya agar jin/syaitan itu tadi tidak dipersalahkan, maka kita akan sering mendengar dialog, atau ungkapan yang jin/syaitan selalu katakan ialah:

“Saya masuk ke badan si polan ini akibat dihantar atau disuruh oleh si polan itu!”

Adapun jenis-jenis sihir yang sering melanda atau terjadi di kalangan masyarakat kita ialah:

- a. Sihir pemisah (untuk memisahkan pasangan suami isteri atau keluarga (boleh dirujuk pada ayat 102 surah al-Baqarah).
- b. Sihir pengasih/pemanis/penunduk.
- c. Sihir pukau (rujuk kepada surah al-A'raf ayat 116).
- d. Sihir gila/sasau.
- e. Sihir kera sumbang : bengang dan pendiam.
- f. Sihir sakit berpanjangan (tidak dapat dikesan oleh perubahan moden).
- g. Sihir istihadah : untuk mandul.
- h. Sihir penghalang jodoh.
- i. Sihir jerut (menutup nafsu pasangan suami isteri).
- j. Sihir racun/santau.
- k. Sihir ain (pantak).
- l. Sihir pelalau (menggagalkan usaha/perniagaan).
- m. Sihir pelemah semangat dan banyak lagi.

2. Akibat Kecuaian dan Kesilapan Manusia

Kecuaian yang sering kita lakukan ialah kita jauh daripada *taqarrub* kepada Allah Taala, kita mencuai-cuaikan ajaran dan hukum-hakam Allah Taala, contohnya kita tidak beramal seperti solat, puasa, berzakat, membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya, bahkan kita sentiasa berbuat perkara-perkara yang dilarang seperti dosa dan maksiat, tidak menjaga kebersihan zahir dan batin, inilah yang menyebabkan syaitan suka untuk mendampingi kita.

Bahkan juga ada di antara umat Islam melakukan perkara-perkara yang syirik, seperti pemujaan-pemujaan dan penyeruan kepada syaitan seperti meminta nombor ekor, dan yang terdapat di dalam permainan alai bubu, kuda kepang, debus, *spirit of coin* dan lain-lain lagi.

Di antara kesilapan umat Islam itu lagi ialah belajar ilmu-ilmu yang salah dan sesat, sama ada dari segi keagamaan ataupun dalam bentuk kebatinan/kerohanian (seperti ajaran tariqat yang sesat iaitu tariqat yang meninggikan taraf kepada taraf maksum dan ilmu kebal dalam persilatan).

Kurang ilmu/kefahaman, atau tidak percaya kepada kewujudan jin/syaitan sehingga kita cuai dalam aktiviti seharian kita (percaya bukan bermakna kita takut kepada kuasa jin/syaitan, tetapi kita mestilah faham mengenai hakikat gangguan mereka terhadap manusia dan wajiblah kita menghindarinya), contohnya kita sudah maklum bahawa makhluk jin/syaitan memang wujud, dan kerjanya suka mengganggu manusia, sering berada di tempat-tempat yang ganjil dan asing seperti di hutan. Maka untuk mengelakkan gangguan mereka, Rasulullah s.a.w. telah mengajarkan kita satu doa iaitu (melalui daripada hadis baginda yang mafhumnya):

“Barang siapa yang berhenti untuk bermalam di satu-satu tempat lalu ia membaca:

أعوذ بكلمات الله التامات من شر ما خلق

Nescaya ia tidak ditimpa apa-apa mudarat sehingga ia meninggalkan tempat itu”

(Hadis riwayat Imam Muslim)

3. Akibat Dendam dan Simpati Makhluk Jin

Perlu diketahui bahawa makhluk jin ini juga mempunyai perasaan dendam terhadap manusia, lebih-lebih lagi iblis yang memang telah bersumpah untuk menyesatkan manusia hingga hari kiamat.

Begitu juga, jika kita berbuat kesalahan terhadap mereka, seperti mana yang kita maklum bahawa mereka ialah makhluk yang kita tidak nampak, mungkin saja kita melakukan sesuatu yang boleh menyakiti mereka, maka mereka akan berdendam kepada kita (seperti melanggar mereka, menyiram air panas dan membunuh mereka ketika mereka menampakkan diri mereka dalam bentuk jelmaan binatang).

Makhluk jin juga menyimpan perasaan suka dan cinta, juga bersimpati terhadap manusia, dan alasan ini jugalah yang akan digunakan untuk mereka merasuk manusia yang kononnya mereka cinta kepada si polan yang mereka rasuk itu.

4. Akibat Saka

Saka berasal daripada kata pusaka yang bermaksud sejenis jin yang diwarisi secara turun-temurun (yang lebih dikenali juga dengan istilah jin khadam/jin pendamping atau gimbaran).

Biasanya pengamal-pengamal ilmu persilatan atau perbomohan ada menyimpan saka, seperti jin hantu tunggi untuk tujuan kekuatan atau kekebalan, atau bidan kampung yang menyimpan jin belaan untuk tujuan perbidanan, begitu juga orang-orang tertentu yang menyimpan, atau memelihara jin penjaga rumah atau kebun supaya rumah dan kebun mereka tidak diganggu oleh binatang atau manusia, seperti pengamal ilmu semangat padi.

Saka ini juga akan diturunkan secara warisan kepada generasi seterusnya yang mahu untuk memeliharanya, tetapi ada juga yang diwariskan secara automatik tanpa disedari oleh anak-anak atau cucu si pengamal tadi, ini berkemungkinan si pengamal tidak sempat mewariskan secara khusus (mungkin disebabkan kematian yang mendadak, seperti kemalangan), ataupun ahli waris tidak mahu untuk memelihara jin tersebut.

Maka daripada sini, jin saka itu akan mengganggu dan merasuk ahli waris berkenaan. Pada peringkat awal ahli waris berkenaan hanya akan mengalami sakit-sakit yang tertentu apabila dibawa ke hospital/berjumpa doktor, disahkan tiada apa-apa masalah penyakit.

Pendapat Ahli Perubatan Tradisional

Para pengamal perubatan tradisional pula mendefinisikan histeria ini kepada beberapa bahagian:

1. Rasukan

1.1 Merasuk dengan mempengaruhi otak dan pemikiran seseorang.

1.2 Merasuk melalui mata/penglihatan seseorang (seseorang itu akan melihat jelmaan-jelmaan yang menakutkan, atau suasana persekitaran yang berbeza, seperti di hutan dan lain-lain pemandangan).

2. Kemasukan

Meresapnya jin ke dalam tubuh badan manusia dengan mengganggu fungsi tubuh badan atau anggota manusia, seperti sakit kepala yang bersangatan, sakit perut, atau sakit pada anggota-anggota yang lain, dalam masa yang sama apabila dibawa berjumpa doktor, maka disahkan tiada mengalami masalah penyakit.

3. Kesarungan

Kemasukan jin ke dalam badan manusia secara total (semua badan dikuasai oleh makhluk jin dan si mangsa dalam keadaan pengsan/tidak sedarkan diri), maka dalam keadaan begini si mangsa akan berubah suara, percakapan, perangai dan tingkah lakunya, bahkan kekuatannya bertambah daripada biasa.

Kesimpulannya, pada kebiasaannya orang yang kesarungan tidak akan dapat bercerita apa yang telah terjadi pada dirinya, kerana badannya sudah diambil alih (*take over*) oleh makhluk jin tadi, dan orang yang kesarungan itu akan menjerit-jerit. Akan tetapi orang yang kerasukan, atau histeria ini akan dapat bercerita apa yang telah terjadi pada dirinya, seperti ia melihat makhluk yang ganjil sebelum ianya tidak sedarkan diri.

Menurut laporan beberapa fakulti perubatan bahawa kejadian histeria berlaku di mana-mana sahaja di seantero dunia ini seperti:

1. Amerika Syarikat
2. Israil
3. Peranchis
4. Jepun
5. England
6. Kenya
7. Greenland
8. Eskimo
9. Thailand
10. Di rantau Nusantara, dan beberapa negara di kawasan Asia

Histeria berlaku mengikut tempat, keadaan, bangsa dan fahaman agama yang diistilahkan sebagai "*Culture bound syndrome*"

Contoh:

1. Eskimo : Histeria tersedu-sedu/menangis atau berlari-lari, dan kadangkala air mata berdarah.
2. Kenya : Histeria berlari-lari atau kekejangan.

Apakah Tanda-tanda Seseorang Itu Akan Diganggu

1. Susah untuk tidur malam, perasaan cemas, gelisah dan berdebar-debar (jika disahkan oleh doktor tiada masalah penyakit yang tertentu).
2. Mimpi-mimpi yang ngeri, seperti lembaga-lembaga yang ganjil/hitam, binatang-binatang yang ganjil/hitam, atau tempat-tempat yang asing dan menakutkan serta mengalami mimpi seperti hendak jatuh/terjatuh daripada tempat yang tinggi.
3. Mengetap gigi waktu tidur.
4. Mengigau dalam tidur seperti ketawa, menangis atau menjerit atau berjalan semasa tidur.
5. Sering pening-pening atau sakit kepala (jika sudah disahkan oleh doktor tiada masalah penyakit yang tertentu).
6. Sakit-sakit tertentu pada anggota badan dalaman dan luaran, terutama apabila berlaku di antara waktu selepas asar hinggalah ke awal fajar.
7. Terhalang daripada melakukan sebarang amal ibadat, seperti sembahyang, berzikir membaca Al-Quran dan sebagainya (selalu bengang, sakit-sakit atau berat rasa).

Cara Menangani Histeria

Apabila kita berbalik kepada fahaman agama (Islam) dan histeria itu berpunca daripada gangguan jin/syaitan, jadi cara mengatasi atau menanganinya pula melalui kaedah yang telah diajarkan oleh agama.

Cara yang paling mudah:

1. Dengan mengazankan pesakit sebanyak 7 kali/11 kali (dekat telinga pesakit).
2. Dengan membacakan ayat kursi sebanyak 21 kali kepada pesakit, dan meranjiskan serta menyapukan air ke muka pesakit, juga untuk diminumkan.

Cara praktikal:

1. Dengan memicit kuku ibu jari (kanan dan kiri) pesakit sambil membaca ayat kursi.
2. Dengan memicit hujung pangkal jari telunjuk dan ibu jari pesakit (kanan dan kiri), sambil membaca ayat kursi.
3. Dengan membacakan ayat kursi sebanyak 3 kali pada potongan bawang putih, dan dicalitkan ke dahi pesakit.
4. Dengan membacakan ayat kursi sebanyak 3/7 kali pada cuka, dan garam kasar yang sudah dilarutkan, lalu disapukan ke bahagian perut pesakit daripada atas pusat ke atas.

Penutup dan Saranan

Memang tidak dapat dinafikan bahawa masalah histeria akan terjadi kepada siapa sahaja tidak mengira agama dan bangsa, apa yang patut kita lakukan ialah ikhtiar untuk mencegahnya, menurut Islam pencegahan itu boleh dibuat melalui:

1. Bila kita tertekan, rungsing atau takut, kita berbaliklah kepada agama (amalan-amalan), dan banyak-banyaklah ingatkan Tuhan.
2. Sentiasalah menjaga kebersihan diri sendiri dari segi tempat, pakaian dan badan.
3. Mempertingkatkan ilmu dan kefahaman, juga kesedaran tentang hakikat fenomena histeria (ianya bukan hanya sekadar mitos sahaja).
4. Bagi orang-orang Islam, laksanakanlah ibadah dengan baik dan tekun agar sentiasa di rahmati oleh Allah s.w.t (contohnya mengamalkan amalan-amalan pendinding, seperti memperbanyakkan membaca ayat kursi).

BIBLIOGRAFI

1. Al-Quran dan terjemahannya.
2. As-Syekh Abd. Majid Abd. Aziz Az-Zahim, 1994 M/1414 H. *Illaj Al-Amrad bin Quraan Was Sunnah* : Maktabah Dar Arqam, Riyadh Saudi Arabia.
3. As-syekh Wahid Adb Salam Bali, 1996. *Al Wiqayah al-Insan minal Jin was syaitan* (Terj), Syarikat Nurulhas : K.L. Malaysia 1996.
4. Dato' Haji Ismail bin Kamus, 2000. *Jin Rasukan dan Pengubatan* . Malindo Com. Sdn. Bhd. Malaysia .
5. Dr. Amran Kasimin, 1990. *Fadilat Ayat Kursi Menurut Hadis dan untuk Rawatan*. Malaysia : Pustaka al-Mizan.
6. Ustaz Muhammad Ibrahim Salim, 1991. *Berubat dengan Al-Quraan* (Tadawi bil Quraan). Malaysia :Darul Fikir .
7. Mohammad Adi Zaky Haji Matasim, 2002. *Stress dan Histeria* (kertas kerja bengkel) : Pusat Dakwah Islamiah.
- 8 Mohammad Adi Zaky Haji Matasim, September 2004. "Tibbul Islami (Perubatan Secara Islam)" dlm. *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam*, Institut Perkhidmatan Awam, September 2004.

9 Umar Sulaiman al-Asqar, 1993. *Alamul jin was syaitan* (terj). Syarikat Nurulhas, Malaysia.